

SULIT
3756/2
Prinsip
Perakaunan
Kertas 2
Ogos
2026
2 ½ jam

3756/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR

SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2026

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **dua** soalan dalam **Bahagian B**.
3. Jawapan hendaklah ditulis pada **Buku Jawapan** yang disediakan.
4. Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.
5. Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.
7. Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak termasuk muka hadapan

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan

- 1(a) Gambar menunjukkan sebuah perniagaan di Kuala Berang.



Nyatakan:

- (i) Jenis organisasi. [1 markah]
- (ii) Ciri tanggungan liabiliti. [1 markah]

- 1(b) Lengkapkan jadual berikut.

	Catatan kontra	Akaun induk
(i)		Kenderaan
(ii)	Peruntukan hutang ragu	

[2 markah]

- 1(c) Nyatakan dokumen sumber yang terlibat dalam setiap urus niaga berikut.

Urus niaga	Dokumen
(i) Pemilik membawa masuk komputer sebagai modal tambahan.	
(ii) Bank Simpanan Berhad mendebitkan akaun pelanggan untuk bayaran ansuran pinjaman kenderaan.	

[2 markah]

1(d) Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Torpedo.

	RM	
Modal awal	30 000	
Modal akhir	39 000	
Modal tambahan	7 500	
Untung bersih	3 800	
Hitung nilai ambilan.		[2 markah]

1(e) Berikan **dua** ciri syer keutamaan.

[2 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

[Lihat halaman sebelah]

- 2 Kelab Belia Tanjong Chat mengusahakan kafeteria dan menjalankan aktiviti sukaneka untuk menambahkan pendapatan kelab. Maklumat berikut diperoleh daripada buku kelab bagi tahun berakhir 31 Disember 2025.

	1 Januari 2025	31 Disember 2025
	RM	RM
Premis (kos)	60 000	80 500
Peralatan	30 500	30 500
Inventori kafeteria	1 500	2 540
Insurans prabayar	50	170
Kadar bayaran belum bayar	200	180
Yuran belum terima	1 440	840
Yuran belum terperoleh	360	600
Akaun belum bayar	850	1 450

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

	RM		RM
Baki b/b	9 500	Akaun belum bayar	5 600
Yuran masuk	5 850	Insurans	1 750
Yuran ahli	18 400	Upah pekerja kafeteria	1 800
Yuran pertandingan sukaneka	3 050	Kadar bayaran	1 380
Jualan kafeteria	10 500	Kontraktor ubah suai premis	20 500
		Belanja pertandingan sukaneka	1 550
		Baki h/b	14 720
	<u>47 300</u>		<u>47 300</u>

Maklumat Tambahan:

- (i) Yuran lapuk RM440.
- (ii) Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan modal.
- (iii) Sebanyak 30% daripada jumlah kadar bayaran adalah untuk kegunaan kafeteria.
- (iv) Peralatan disusutnilaikan pada kadar 15% setahun menggunakan kaedah garis lurus.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran [4 markah]
- (b) Akaun Perdagangan kafeteria bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 [5 markah]
- (c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 [8 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2025 [8 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

[Lihat halaman sebelah]

- 3 RevEdge Auto Enterprise merupakan sebuah perniagaan yang menjual aksesori kenderaan. Baki di Buku Tunai pada 1 Mac 2026 adalah seperti berikut:

	RM
Tunai di tangan	2 000
Tunai di bank	8 420

Berikut urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Mac:

- Mac
- 2 Menerima RM2 550 untuk jualan secara tunai.
 - 2 Tunai dibankkan RM2 000.
 - 3 Membeli komputer berharga RM1 420 dengan cek bernombor 300412.
 - 7 Membayar sewa rumah pemilik RM700 dengan cek bernombor 300413.
 - 10 Menerima cek bernilai RM2 500 daripada Zain Auto. Diskaun tunai RM150.
 - 13 Jualan tunai RM1 300 diterima melalui perbankan atas talian.
 - 15 Belian RM2 840 menggunakan cek yang bernombor 300414.
 - 18 Terima cek daripada Man Motor bernilai RM3 750.
 - 20 Menjelaskan bil utiliti RM200 melalui transaksi perbankan elektronik.
 - 25 Bayaran kepada Jojo Auto RM1 150 dengan cek bernombor 300415 dan menerima diskaun RM120.
 - 30 Bayar gaji pekerja RM1 900 dengan cek bernombor 300416.

- (a) **Anda dikehendaki menyediakan** Buku Tunai tiga lajur.

[13 markah]

BANK CITRA BHD Penyata Bank RevEdge Auto Enterprise PT 780-Y, Jalan Sultan Omar, Kubang Kerian, 16150 Kota Bharu, Kelantan. No. Akaun : 034511578480 Tarikh : 31 Mac 2026					
Tarikh	Butir	No. Cek	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
2026					
Mac 1	Baki b/b				9 520
2	Deposit			2 000	11 520
3	Cek	300411	1 100		10 420
5	Cek	300412	1 420		9 000
9	Cek	300413	700		8 300
10	Jualan - Pindahan kredit			1 300	9 600
15	Caj bank		15		9 585
17	Cek	300414	2 480		7 105
21	Utiliti		200		6 905
25	Insurans – Arahan tetap		450		6 455
28	Faedah atas simpanan			25	6 480
31	Dividen			350	6 830

Maklumat Tambahan:

- (i) Cek bernombor 300414 telah tersilap catat di dalam Buku Tunai.
- (ii) Cek bertarikh 18 Mac 2026 telah dipulangkan oleh bank dengan tanda “Rujuk Penyuruh Bayar”.

Merujuk kepada jawapan 3(a), **anda dikehendaki:**

- (b) Mengemaskini Buku Tunai (ruangan bank sahaja). [7 markah]
- (c) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2026. [5 markah]

[Lihat halaman sebelah]



Bahagian B

[40 markah]

Jawab dua soalan sahaja

- 4 Faizal dan Muslih pekongsi bagi Perkongsian F&M yang beroperasi di Besut, Terengganu. Berikut maklumat yang diperoleh daripada buku perniagaan pada 31 Disember 2025.

	RM
Untung Kasar	56 690
Sewa dibayar	6 000
Gaji pekerja	14 200
Modal pada 1 Januari 2025:	
Faizal	30 000
Muslih	20 000
Komisen diterima	750
Ambilan Muslih	3 500
Akaun Semasa pada 1 Januari 2025:	
Faizal	(1 050)
Muslih	2 060
Kenderaan	52 650
Akaun Belum Terima	10 650
Akaun Belum Bayar	14 550
Pinjaman Faizal	10 000
Hutang lapuk	630
Peruntukan hutang ragu	460
Faedah atas pinjaman	400

Maklumat Tambahan :

- (i) Ikatan perjanjian antara pekongsi adalah seperti berikut:
 - (1) Gaji Muslih RM600 sebulan
 - (2) Faedah atas modal ialah 8% setahun
 - (3) Faedah atas ambilan ialah 5% setahun
 - (4) Faedah atas pinjaman pekongsi ialah 6% setahun
 - (5) Pembahagian untung atau rugi adalah sama rata.
- (ii) Promosi RM1 200 termasuk dalam bayaran gaji pekerja.
- (iii) Peruntukan hutang ragu diselaras pada kadar 4% atas Akaun Belum Terima.
- (iv) Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- (v) Sewa bulanan RM550.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 [7 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 [5 markah]
- (c) Akaun Semasa (bentuk beruangan) [8 markah]

**SERTAI TELEGRAM @exercise_students****[Lihat halaman sebelah]**

5 (a) Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Biskut SweetBites pada 31 Disember 2025.

	RM
Inventori pada 1 Januari 2025:	
Bahan langsung	20 830
Kerja dalam proses	5 550
Alat-alat kecil	230
Belian bahan langsung	150 660
Belian alat-alat kecil	2 000
Mesin (Kos)	87 000
Susut nilai terkumpul mesin	8 700
Gaji buruh kilang	47 500
Gaji pengurus kilang	32 200
Belanja penyelenggaraan kilang	8 650
Kadar bayaran	12 420
Insurans kilang	12 000
Sewa	24 000

Maklumat Tambahan:

(i) Inventori pada 31 Disember 2025:

	RM
Bahan langsung	15 570
Kerja dalam proses	7 830
Alat-alat kecil	875

- (ii) Angkutan masuk terlupa rekod sebanyak RM350.
- (iii) Gaji pengurus kilang termasuk gaji kerani pejabat RM2 200.
- (iv) Kadar bayaran dan sewa diagihkan mengikut pecahan 3:1 antara kilang dan pejabat.
- (v) Mesin disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2025.

[12 markah]

- 5 (b) Encik Farhan pemilik Shapee Farm mengusahakan ternakan kambing di Melor, Kelantan sejak 1 Januari 2024. Maklumat berikut berkaitan dengan kenderaan yang dimiliki oleh perniagaan.

Jenis kenderaan	Tarikh belian	Harga kos (RM)
Lori	1 Januari 2024	95 000
Traktor	31 Disember 2025	50 000

Maklumat Tambahan:

- (1) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 20% setahun atas kos.
- (2) Lori telah dijual pada 31 Disember 2025 dengan penerimaan cek RM60 000.
- (3) Traktor telah dibeli daripada Planters Berhad secara kredit.
- (4) Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember 2025.

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|---|------------|
| (i) Akaun Kenderaan (Tahun 2025) | [2 markah] |
| (ii) Akaun Susut Nilai Berkumpul Kenderaan (Tahun 2025) | [3 markah] |
| (iii) Akaun Pelupusan Kenderaan | [3 markah] |



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

[Lihat halaman sebelah]

6 (a) Berikut Buku Catatan Pertama milik Perniagaan Madu Humaira pada bulan Januari 2026.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2026 Jan 1	Bank	10 200	
	Tunai	500	
	Akaun Belum Terima: Rumaisya	2 050	
	Akaun Belum Terima: Najwa	1 500	
	Akaun Belum Terima: Safiyyah	400	
	Akaun Belum Bayar: Zara Trading		2 500
	Akaun Belum Bayar: Hilmi Trading		1 600
	Modal		10 550
	(Aset, liabiliti dan modal pada tarikh ini)	14 650	14 650
15	Akaun Belum Terima: Rumaisya	50	
	Diskaun diberi		50
	(Diskaun diberi dibatalkan)		
18	Hutang lapuk	400	
	Akaun Belum Terima: Safiyyah		400
	(Hutang lapuk dihapuskan)		

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	RM
2026		
Jan 20	Zara Trading	2 500
28	Hilmi Trading	1 300
31	Akaun Belian	3 800

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	RM
2026		
Jan 25	Zara Trading	300
31	Akaun Pulangan Belian	300

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	RM
2026		
Jan 18	Rumaisya	3 750
23	Najwa	2 500
31	Akaun Jualan	6 250



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

[Lihat halaman sebelah]

Buku Tunai (petikan)

Tarikh	Butir	Disk.	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Disk.	Tunai	Bank
		RM	RM	RM			RM	RM	RM
2026 Jan 1	Baki b/b		500	10 200	2026 Jan 6	Zara Trading	100		2 400
8	Rumaisya	50		2 000	10	Hilmi Trading			1 000
12	Najwa			1 500	15	Rumaisya			2 000
28	Jualan		720	8 400	19	Belian			5 300

Anda dikehendaki menyediakan:

(i) Akaun Kawalan Belum Terima

[6 markah]

(ii) Akaun Kawalan Belum Bayar

[6 markah]

6 (b) Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan JJ Store pada 30 Jun 2026.

	RM
Modal 1 Julai 2025	50 000
Inventori pada 1 Julai 2025	4 260
Jualan	85 000

Maklumat Tambahan:

- (1) Inventori 30 Jun 2026 dinilai pada harga kos RM6 110 dan harga pasaran RM5 740.
- (2) Kos jualan adalah 80% daripada jualan.
- (3) Perbelanjaan adalah seperti berikut:

	RM
Gaji	12 000
Kadar bayaran	750

Anda dikehendaki menghitung:

- | | |
|-----------------------------------|------------|
| (i) Tokokan | [2 markah] |
| (ii) Margin Untung Bersih | [2 markah] |
| (iii) Pulangan Atas Modal | [2 markah] |
| (iv) Kadar Pusing Ganti Inventori | [2 markah] |

KERTAS SOALAN TAMAT



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

[Lihat halaman sebelah]